

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

SEW214 - Makroekonomi II

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

Jawab Soalan 1 dari Bahagian A dan DUA (2) soalan dari Bahagian B. Jumlah soalan yang mesti dijawab ialah TIGA (3). Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan.

BAHAGIAN A (60 markah)

Soalan 1 (Wajib dijawab)

A) Diberikan maklumat-maklumat berikut untuk sebuah ekonomi:

Fungsi pengeluaran:  $Y = 20L - 0.1L^2$

Penawaran buruh :  $L^S = 5(W/P)$

Tenaga buruh :  $L^F = 5.3(W/P)$

Dapatkan:

- keluk permintaan buruh
- keluk penawaran agregat jangka panjang
- kadar pengangguran semula jadi
- Bilangan pengangguran kitaran dan pengangguran geseran/struktur setelah berlaku peningkatan upah benar secara purata sebanyak 20 peratus.

(10 markah)

- B) Bincangkan sama ada pernyataan-pernyataan berikut BETUL atau SALAH.
- a) "Oleh kerana keluk Phillips jangka panjang berbentuk menegak, maka ekonomi boleh mengurangkan kadar inflasi ke kadar sifar tanpa melibatkan sebarang kos".
  - b) "Firma-firma dalam model klasik baru menetapkan harga sementara firma-firma dalam model Keynes baru pula menetapkan output".
- (10 markah)
- C) Bincangkan bagaimanakah kesan-kesan berikut mempengaruhi keluk permintaan agregat.
- a) Kesan Pigou
  - b) Kesan jangkaan
  - c) Kesan agihan
- (9 markah)
- D) Kenapakah keluk penawaran agregat jangka pendek bagi negara Brazil adalah lebih curam berbanding dengan keluk penawaran agregat jangka pendek bagi negara seperti Amerika Syarikat? Gunakan hujah-hujah model Lucas untuk menjawab soalan ini, dan andaikan kadar inflasi yang dialami oleh negara Amerika Syarikat adalah lebih stabil dan rendah berbanding dengan negara Brazil.
- (8 markah)
- E) Dengan menggunakan rajah-rajah yang sesuai, nyatakan apakah yang akan berlaku kepada perkara-perkara berikut akibat dari kemasukan pekerja-pekerja asing secara besar-besaran ke dalam negara. Anda tidak perlu menjelaskan apa yang berlaku tetapi memadai dengan menunjukkan bagaimana jawapan anda diperolehi dengan merujuk kepada rajah-rajah yang digunakan.
- a) Fungsi pengeluaran
  - b) keluk permintaan buruh dan keluk penawaran buruh
  - c) upah keseimbangan dan guna tenaga
  - d) output dan harga
  - e) keluk penawaran buruh jangka pendek
  - f) keluk penawaran buruh jangka panjang
- (8 markah)

F) Jawab soalan-soalan berikut tanpa memberikan sebarang penjelasan.

a) Apakah tiga syarat yang mesti dipenuhi bagi mencapai kedudukan keseimbangan jangka panjang bagi kes-kes berikut:

- i) rajah AD - AS
- ii) rajah SP - LP, di mana

AD = permintaan agregat

AS = penawaran agregat

SP = keluk Phillips jangka pendek

LP = keluk Phillips jangka panjang.

(6 markah)

b) Apakah yang akan terjadi kepada kadar inflasi dan nisbah output benar ( $Y/Y_N$ ) apabila kerajaan mengendalikan dasar berkecuali, dasar akomodasi, dan dasar penghapusan semasa menghadapi kejutan penawaran negatif?

(6 markah)

c) Apakah yang akan terjadi kepada kadar bunga apabila permintaan wang merosot di bawah andaian model-model berikut:

- i) Klasik
- ii) Kes biasa (keluk penawaran agregat bercerun positif)
- iii) Keynes

(3 markah)

**BAHAGIAN B** (40 markah)

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

Soalan 2

Buat catatan ringkas mengenai persamaan dan perbezaan utama di antara model-model berikut:

- a) Model Keynes asal dan model Keynes baru
- b) Model "tipu" Friedman dan model Keynes
- c) Model "tipu" Friedman dan model Lucas
- d) Model Lucas dan model kitaran perniagaan benar (RBC)

(20 markah)

Soalan 3

Apakah implikasi utama model pertumbuhan Solow?

Bagaimanakah perkara-perkara berikut boleh mempengaruhi kadar pertumbuhan KNK per kapita?

- a) Krisis minyak yang melanda dunia pada tahun 1970an
- b) Kemasukan pendatang asing secara besar-besaran
- c) Dasar fiskal yang semakin ketat dan dasar kewangan yang semakin mudah (easier monetary policy)
- d) Penurunan kadar kelahiran.

(20 markah)

Soalan 4

Jelaskan konflik di antara data siri masa dan data keratan lintang mengenai perbelanjaan penggunaan. Apakah implikasi konflik tersebut terhadap bentuk fungsi penggunaan?

Bincangkan bagaimanakah hipotesis-hipotesis berikut menjelas dan menyelesaikan konflik di atas:

- a) Hipotesis pendapatan tetap
- b) Hipotesis kitaran hidup.

(20 markah)

Soalan 5

"Teori pencepat pelaburan dapat menjelaskan fenomena ketakstabilan yang dihadapi oleh ekonomi". Jelaskan.

Bagaimanakah teori neoklasik mengenai pelaburan menentukan nilai pencepat "optimal" bagi pelaburan, dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi nilai tersebut?

Bincangkan peranan yang dapat dimainkan oleh tiga (3) alat dasar fiskal di dalam mempengaruhi paras pelaburan.

(20 markah)